

# MTUC batal piket jika KWSP setuju berbincang

UM 17 APR 2001

KUALA LUMPUR 16 April — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sedia membatalkan rancangan piket jika pengurusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bersetuju mengadakan pejumpaan dengan pemimpin kesatuan itu sebelum 12 Mei ini.

Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran berkata, perjumpaan tersebut juga mestilah membincangkan beberapa perkara berkaitan hak pekerja dan pencaharian KWSP yang sedang dibangkitkan oleh kesatuan sekerja itu.

Menurut beliau, pihaknya terpaksa mengumumkan langkah mengadakan piket sebelum ini kerana sikap KWSP yang didakwa 'kurang berminat' untuk membincangkan isu tersebut dengan MTUC.

"Kami bukannya mahu KWSP membuat janji atau memberi jaminan yang bukan-bukan kepada kami, tetapi sekadar meminta mereka member; pen-

jelasan terhadap beberapa isu yang timbul. Itu sahaja.

"Kalau mereka setuju, kita batalkan piket ini," katanya kepada Utusan hari ini.

Rajasekaran diminta mengulas desakan beberapa kesatuan sekerja dan orang ramai yang mahukan MTUC membatalkan piket itu yang dibimbangi boleh menjejaskan proses pemulihan ekonomi negara.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad turut meminta kesatuan sekerja itu menimbang semula pendirian mereka itu demi kepentingan negara dan rakyat.

Mengulas lanjut, Rajasekaran berkata, MTUC memang bersedia bertolak ansur berhubung isu itu walaupun puluhan ribu ahlinya mendesak agar piket itu diteruskan.

Ini kerana, katanya, MTUC hanya mahukan isu yang ada diselesaikan

dengan baik tanpa mengorbankan hak para pekerja serta kepentingan negara.

Rajasekaran berkata, MTUC hanya mahu membanakitkan beberapa perkara melibatkan kepentingan pencaharian kepada KWSP dan yakin perkara itu boleh diselesaikan dengan mudah.

Antaranya, kata beliau, ialah berkaitan Skim Anuiti yang dicadangkan agar dikendalikan sendiri oleh KWSP, isu pengurangan pampasan Skim Faedah Kematian/Hilang Upaya daripada RM30,000 kepada RM2,000 serta pengurangan bayaran dividen tahunan kepada pencaharian.

Selain itu, katanya, MTUC mahu berbincang mengenai corak pelaburan KWSP yang didapati jelas merugikan serta didakwa oleh sesetengah pihak sebagai bertujuan membantu syarikat atau bank tertentu serta isu pengurangan caruman pekerja sebanyak dua peratus.